

**Analisis Peranan Wakaf Dalam Industri Makanan Sebagai Jaminan
Kualiti Hidup**
*An Analysis of the Role of Waqf in the Food Industry as Quality of Life
Assurance*

Umami Sulaim Ahmad Rashid**

E-mail: u.sulaim71@gmail.com

Mohd Faiz Mohamed Yusof (Corresponding Author)**

E-mail: faizyusof@uitm.edu.my

Azri Bhari**

E-mail: azrib178@uitm.edu.my

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Abstrak

Industri makanan merupakan sektor penting dalam sesebuah negara kerana ketersediaan makanan yang mencukupi dan stabil menunjukkan sebuah negara yang mampu menjamin kualiti hidup masyarakat. Tambahan pula, model-model wakaf giat dibangunkan di Malaysia terutamanya di dalam sektor seperti perumahan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Oleh itu, sebagai menjamin kualiti hidup melalui industri makanan, wakaf perlu menjadi sebagai alat ekonomi yang dapat membantu peningkatan di dalam industri makanan selaras memenuhi keseimbangan dan kestabilan sekuriti makanan negara. Dengan demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan wakaf dalam industri makanan sebagai alat yang membantu meningkatkan kualiti hidup terutamanya dalam mendapatkan makanan yang halal. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan meneliti sumber sekunder berkaitan dengan wakaf dalam industri makanan seperti wakaf pertanian yang telah dipraktikkan sebagai salah satu alat pembiayaan yang dapat meningkatkan sumber makanan. Kajian ini turut menemu bual 5 informan yang terlibat secara langsung dalam industri pertanian dan penternakan. Kajian ini menunjukkan bahawa wakaf mempunyai peranan penting sebagai alat yang

dapat membantu dalam peningkatan industri makanan ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial bagi menjamin kualiti hidup. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak berkepentingan untuk memperkasakan lagi institusi wakaf dalam membangunkan model wakaf sesuai dengan keperluan semasa termasuk wakaf berkaitan industri makanan halal.

Kata Kunci: *Wakaf; Industri Makanan; Sekuriti Makanan; Kualiti Hidup*

Abstract

The food industry is an important sector in a country because the availability of sufficient and stable food shows a country that is able to guarantee the quality of life of the community. Furthermore, waqf models are actively developed in Malaysia, especially in sectors such as housing, education, health and etc. Therefore, to guarantee the quality of life through the food industry, Waqf needs to be an economic tool that can help improve the food industry in line with the balance and stability of the country's food security. Thus, this study aims to identify the role of waqf in the food industry as a tool that helps improve the quality of life, especially in obtaining halal food. This study uses a qualitative research method, a library study by examining

secondary sources related to waqf in the food industry, such as agricultural waqf, which has been practiced as one of the financing tools that can increase food resources. This study shows that waqf has an important role as a tool that can help in improving the food industry towards economic and social well-being to guarantee a quality of life. The findings of this study are expected to help stakeholders to further empower waqf institutions in developing a waqf model by current needs including waqf related to the halal food industry.

Keywords: *Waqf; Food Industry; Food Security; Quality of Life*

Pengenalan

Makanan merupakan keperluan asas manusia yang sangat penting untuk terus hidup dan sebahagian utama indikator penting yang memberi impak secara langsung terhadap kualiti hidup. Ketiadaan bekalan makanan yang stabil mahupun ketidakmampuan memperoleh makanan yang baik akan memberi impak negatif terhadap kehidupan manusia (Rahman, 2009). Selain itu, berdasarkan kajian Norshamliza Chamhuri & Batt (2015) kesegaran, kebersihan, harga dan halal menjadi penentu kepada pengguna dalam mendapatkan makanan berkualiti. Oleh demikian, industri makanan Malaysia perlu ditingkatkan bagi membentuk sekuriti makanan yang stabil kerana keperluan pengguna apabila membeli makanan segar berkualiti tinggi boleh menjadi asas kepada kerajaan untuk membangunkan semula industri ternakan serta industri buah-buahan dan sayur-sayuran segar. Memandangkan Malaysia amat bergantung kepada makanan import, kepentingan menyediakan makanan dengan harga yang kompetitif, berkualiti, halal dan selamat tidak boleh diabaikan. Oleh itu, terdapat kayu ukur yang bagi melihat sejauh mana negara dapat memenuhi keperluan makanan yang hasilnya daripada pengeluaran makanan

tempatan iaitu pengukuran melalui Tahap Kecukupan Sara Diri (*Self-Sufficiency Level*, SSL). Pengeluaran makanan tempatan yang baik sewajarnya memberi keseimbangan kepada tahap kebergantungan kepada import dan seterusnya menjamin sekuriti makanan yang sentiasa menjadi cabaran negara di dalam sektor pertanian.

Menurut Murad et al. (2010) Malaysia mempunyai isu dan cabaran berkaitan pertanian sejak 1980-an lagi. Bermulanya perubahan penumpuan sektor pertanian kepada pembuatan memberi impak kepada kelayakan kredit dalam memperoleh pembiayaan bagi sektor pembuatan dan akhirnya membawa cabaran mengeksploitasi pertumbuhan pertanian. Hanya kerana kelayakan kredit, telah mendatangkan cabaran besar kepada industri pertanian seperti cabaran dalam perlindungan pasaran yang merujuk kepada cukai eksport menjadi rendah, tenaga buruh beralih pencarian pendapatan. Peralihan penumpuan ini punca terjejasnya sektor pertanian dan seterusnya menjadikan sekuriti makanan keadaan terancam malah membuka kepada kemerosotan kualiti hidup masyarakat.

Tambahan pula, menurut Mohamed et al. (2021) antara golongan yang terdedah dengan kesukaran mendapat makanan adalah mereka yang berada kawasan luar bandar, isi rumah besar, ibu bapa tunggal, isi rumah berpendapatan rendah, tahap pendidikan rendah, orang kurang upaya dan pelajar universiti. Oleh itu, dalam menjamin kualiti hidup setiap lapisan masyarakat, keperluan asas menjadi tanggung utama yang perlu dipenuhi bagi membasmi kemiskinan terutamanya berkaitan makanan. Oleh itu, sektor pertanian yang merupakan sumber penghasilan makanan tidak boleh lagi dipandang kurang berkepentingan. Hal ini kerana, sektor pertanian perlu memenuhi jurang dan menghasilkan komoditi

makanan yang mencukupi (Lakitan, 2019). Dengan itu, pengenalan wakaf di dalam industri makanan perlu dilihat kembali dan dikenal pasti potensi yang bersesuaian untuk dilaksanakan sebagai salah satu alat ekonomi yang dapat membantu industri makanan dan kualiti hidup.

Penyataan Masalah

Sebuah negara perlu mempunyai sumber makanan yang stabil. Kestabilan tersebut melihat kepada pencapaian makanan pada tahap mencukupi, selamat dan berkhasiat. Selain itu, akses makanan tersebut mestilah stabil dari aspek ketersediaan, kebolehcapaian atau berkemampuan, penggunaan yang selamat. Hal ini juga merupakan aspek yang penting bagi memenuhi sekuriti makanan negara. Di Malaysia, ketidakstabilan sumber komoditi makanan, tahap sara diri yang rendah, sektor pengeluaran makanan yang tidak mencukupi, import makanan meningkat, perubahan corak permintaan makanan serta ancaman fenomena semula jadi telah menjadi satu isu utama bagi mendepani krisis makanan

(Mad Nasir, 2019; Mohamed et al., 2021; Omar et al., 2019)

Di Malaysia, sub-sektor pertanian utama melibatkan tanaman, ternakan dan perikanan. Secara keseluruhannya pengeluaran komoditi utama mengalami pengurangan pada tahun 2020 berbanding pada tahun 2019. Melihat dua tahun tersebut, pengeluaran sayur-sayuran meningkat 0.9%, manakala pengeluaran buah-buahan menurun 0.7%. Seterusnya dapatan kepada pendaratan ikan juga turun sebanyak 5.0% iaitu sebanyak 1455,4 ribu tan pada tahun 2019 kepada 1383.3 ribu tan pada tahun 2020. Selain itu, bagi sektor ternakan populasi ternakan meningkat akan tetapi hasil pengeluaran ternakan tersebut tetap menurun, ini dapat dikaitkan dengan impak pandemik COVID-19 kerana kedai makan telah

dihadkan masa operasi. Melihat kepada statistik yang tidak stabil ini, pandemik telah memberi pelbagai impak iaitu terhadap pengeluaran pertanian, harga dan jaminan sekuriti makanan. Ini telah menunjukkan sektor pertanian ini sangat mempunyai nilai kepentingan yang tinggi terhadap sosiekonomi negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Merujuk kepada statistik 2021 Jabatan Perangkaan Malaysia, ukuran Kadar Sara Diri (*Self-Sufficiency Ratio*, SSR) negara pada tahun 2021, SSR untuk produk makanan masih rendah iaitu beras 65.0%; susu segar 56.7%; daging lembu 18.9%; daging kambing 10.7% dan produk tenusu 5%. SSR menjadi kayu ukur sesebuah negara dalam memenuhi keperluan makanannya daripada pengeluaran domestiknya sendiri. Selain itu, tahap sekuriti makanan telah menjadi satu kebimbangan apabila statistik kadar kebergantungan import masih tinggi seperti melibatkan daging lembu sebanyak 81.6%, daging kambing sebanyak 89.4% dan susu segar sebanyak 66.9%. Dengan ini, sekuriti makanan negara berada tahap yang membimbangkan dan perlu usaha yang strategik dan produktif bagi membantu industri makanan memenuhi permintaan makanan dalam menjamin kualiti hidup masyarakat.

Di dalam kajian Abdulla Ibragimov et al. (2016) menjelaskan telah berlaku pertumbuhan industri daging lembu yang progresif di Malaysia. Walaubagaimanapun, pembekal tetap menghadapi kesukaran dalam memenuhi permintaan domestik itu sendiri. Hal ini kerana kos pengeluaran dan ketersediaan bahan makanan sektor ternakan yang tinggi. Hal ini menjadi salah satu punca kebergantungan negara kepada import serta faktor daging lembu yang diimport jauh lebih menguntungkan (Abdulla Ibragimov et al., 2016; Yusoff et al., 2020). Ini dapat dibuktikan pada Jadual 1

berkaitan harga runcit daging tempatan dan daging import Malaysia. Tambahan pula, menurut Ariff et al. (2015) pertumbuhan populasi lembu di Malaysia yang rendah berkait rapat dengan faktor tanah, bekalan ternakan berkualiti rendah,

bekalan makanan tidak teratur, nilai pemakanan tinggi, sistem pemasaran serta rantaian bekalan input pengeluaran yang tidak cekap. Hal ini akan menjadi cabaran terhadap perkembangan industri makanan.

Jadual 1: Siri Masa Harga Runcit Daging Tempatan dan Daging Import, Malaysia, 2011-2019

RM/kg	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Daging Lembu Tempatan	20.00	22.00	23.18	26.08	29.84	29.21	31.65	33.75	34.05
Daging Lembu Import	12.35	14.20	14.18	15.20	16.14	17.43	21.00	22.25	21.60

Sumber: FAMA

Selain itu, kitaran ekonomi menunjukkan berlaku peningkatan dalam pasaran terhadap permintaan daging lembu. Tambahan pula, permintaan produk daging lembu yang halal bertambah tinggi apabila musim menyambut hari raya korban. Implikasi daripada permintaan yang tinggi menyebabkan import daging lembu meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2010, permintaan domestik daging halal sebanyak 194 ribu tan metrik. Manakala, penawaran daging tempatan hanya 47 ribu tan metrik. Sementara itu, daging lembu diimport sebanyak 153 ribu tan metrik. (Maimunah, 2014). Apabila melihat kepada import daging yang tinggi, menjadi satu kerisauan kepada masyarakat muslim terhadap status halal daging tersebut. Tambahan pula, muncul isu-isu daging sejuk beku yang di seludup dan berlaku penyalahgunaan label halal yang palsu (Sinar Harian, 2020).

Oleh itu, faktor yang boleh menjejaskan sekuriti makanan juga disebabkan urbanisasi yang berlaku juga tidak dapat dipandang mudah. Penukaran tanah pertanian kepada tanah yang komersial atau kepada kawasan bandar, telah memberi kesan terhadap pengeluaran pertanian iaitu pengeluaran makanan itu sendiri. Urbanisasi juga menyebabkan kekurangan tenaga kerja bagi mengusahakan tanah pertanian yang ada oleh kerana pergerakan penduduk luar bandar ke bandar (Marzuki & Jais, 2020). Oleh itu, Wakaf sebagai satu alat ekonomi

sewajarnya menjadi sebahagian strategi sekuriti makanan. Tambahan pula, sektor pengeluaran makanan yang moden, berdaya saing dan komersial dapat mengurangkan masalah bekalan makanan dengan menjadikan wakaf sebagai faktor yang dapat meningkatkan pengeluaran makanan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dalam mengembangkan pemahaman konteks serta situasi dengan melakukan penerokaan berkaitan peranan wakaf dan isu-isu di dalam industri makanan bagi melihat kesesuaian jaminan kualiti hidup. Oleh itu, data yang digunakan adalah sumber sekunder dan dikumpulkan melalui penyelidikan perpustakaan berkaitan wakaf khususnya pertanian, sekuriti makanan serta pertanian daripada bahan seperti buku, jurnal dan sebagainya. Kajian ini turut menemu bual 5 informan yang terlibat langsung dalam pertanian dan penternakan. Informan ini terdiri daripada informan 1 merupakan pengusaha penternakan secara komersil. Informan 2 pula merupakan pengurus projek pertanian secara komersil melalui model koperasi. Informan 3 merupakan Pengurus sebuah anak syarikat berkaitan wakaf yang sedang mengusahakan projek wakaf berasaskan pertanian dan penternakan. Informan 4 merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk pembangunan industri ternakan

berkaitan ruminan pedaging dan informan 5 merupakan penternak kambing yang menjalankan usaha secara kecil-kecil. Kelima-lima informan ini berperanan memberikan data yang mewakili peranan yang pelbagai dalam industri pertanian dan penternakan.

Selanjutnya, data yang dikumpulkan dianalisis sebagai perbincangan dengan melihat kelompangan industri makanan dengan penyesuaian peranan wakaf terutama dalam pertanian sebagai jaminan kualiti hidup. Perbincangan dilakukan dengan pendekatan induktif dan deduktif. Analisis induktif digunakan untuk mencapai fakta umum wakaf di dalam industri makanan sebagai jaminan kualiti hidup daripada corak, tema dan kategori kajian ini. Manakala analisis deduktif digunakan bagi menganalisis fakta umum kepada khusus berkaitan wakaf dan industri makanan dengan membuktikan pengkhususan daripada fakta dan tema yang dikenal pasti bagi menyokong hasil penelitian kajian. Kajian ini turut mengaplikasikan cadangan Lewis dan Silver (2007) menganalisis sorotan literatur dan data temu bual menggunakan program *Atlas.ti 8* yang memberikan gambaran dapatan melalui *network* atau rangkaian yang dibangunkan daripada program *Atlas.ti 8*.

Sorotan Kajian

Pelaksanaan wakaf dalam membantu sosioekonomi

Wakaf merupakan penyumbang kepada pencapaian ekonomi sesebuah negara dalam perkembangan peradaban Islam sejak awal kedatangan Islam lagi. Tambahan pula, wakaf juga telah menjadi mekanisme yang dapat membantu perbelanjaan kerajaan, mencegah pembiayaan defisit, mengelak penurunan kadar faedah, memberi kestabilan dalam pengagihan pendapatan dan kekayaan,

membasmi kemiskinan serta meningkatkan kemajuan ekonomi sesebuah negara (Mochammad Arif, 2014). Perkembangan ekonomi Islam juga telah menjadikan amalan wakaf terus diperbaharui dan di pelbagaikan dengan memaksimumkan fungsi ke arah kebajikan dan kualiti hidup masyarakat. Dalam kajian Mohamad et al. (2020) mengklasifikasi empat pembangunan tanah-tanah wakaf di Malaysia dan mendapati penglibatan di dalam sektor komersial sebanyak 60.09%, manakala sektor pendidikan sebanyak 27.05%, seterusnya 8.46% di dalam sektor sosial dan 4.39% di dalam sektor kesihatan. Hal ini menunjukkan kini, tanah wakaf bukan sahaja berbentuk tradisional seperti tujuan agama malah ianya dibangunkan dari pelbagai aspek mengikut keperluan semasa yang akhirnya menjadi antara alat membasmi kemiskinan seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat ekoran manfaat harta wakaf yang bersifat berkekalan dan dapat diperluas fungsinya.

Majlis Agama Islam Pulau Pinang antara institusi wakaf yang maju dan progresif di Malaysia dalam usaha membangunkan aset wakaf secara komersial. Pembinaan lot rumah teres di tanah wakaf Seete Aishah sangat memberi nilai tinggi dalam ekonomi hartanah dan pembangunan wakaf (H. H. Omar et al., 2013). Selain itu, wakaf secara komersial dapat dibuktikan dengan pembangunan hotel wakaf di Terengganu iaitu Hotel Grand Puteri yang secara langsung dapat membantu ekonomi masyarakat (Mohd Ridzuan et al., 2020). Tambahan pula, pembangunan hotel wakaf bukan sahaja membantu meningkatkan dana wakaf malah membantu sosioekonomi di dalam industri perhotelan dan pelancongan melalui peluang pekerjaan serta meningkatkan makanan halal dengan pembekalan makanan kepada hotel wakaf (Mohd Haiyazid & Sanep, 2014). Selain itu, inovasi wakaf turut ditonjolkan oleh Johor Corporation Berhad

(JCorp) dengan memperkenalkan Model Wakaf Saham Korporat. Pelantikan anak syarikat yang dijalankan oleh JCorp dapat membantu pengurusan dana, aset dan saham wakaf dengan lebih efektif dalam usaha mengkomersialkan industri wakaf. (Mohamed Asmy & Hassanudin, 2015).

Melihat kepada sektor pendidikan, pelaksanaan wakaf adalah untuk memobilisasikan sumbangan dana waqaf dan sedekah, menjana pendapatan, mengagihkan pendapatan dari harta wakaf dan sedekah kepada yang berkecukupan. Oleh itu, antara bentuk manfaat wakaf yang dapat diagihkan melalui biasiswa pelajar, aktiviti penyelidikan dan inovasi, pembiayaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kebajikan dan pembangunan pelajar, jaringan industri dan khidmat komuniti serta pembinaan kemudahan pelajar (Roslina et al., 2018). Selain itu, kajian di Indonesia, wakaf yang produktif mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap pendapatan dan penggunaan masyarakat dalam memenuhi keperluan asas terutamanya selepas pihak pengurusan wakaf membangunkan hospital. Hal ini dapat membantu masyarakat dari aspek sosial juga ekonomi (Seprillina, 2020). Menurut (Mazrul Shahir, 2012) sejarah perkembangan kejayaan waqaf menunjukkan tingginya budaya wakaf kini dalam menyediakan perkhidmatan awam dan kebajikan untuk masyarakat. Selain itu, pendekatan yang lebih kontemporari melengkapkan institusi wakaf dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap bagi memainkan peranan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat kini.

Tambahan lagi, Model wakaf kesihatan yang dibangunkan pada masa kini dapat memberi kemudahan kepada masyarakat dalam menerima rawatan kesihatan, maka dari sudut kualiti hidup masyarakat turut bertambah baik. Hal ini dapat dibuktikan melalui klinik Waqaf An-Nur yang telah

memberi peluang kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan kemudahan kesihatan (Ainul Kauthar et al., 2014; Norizah & Asmak, 2015). Ini kerana apabila sesebuah keluarga sihat dan bahagia, ia membuka peluang meningkatkan taraf ekonomi keluarga yang lebih baik. Dengan itu, di sebalik wakaf sebenarnya telah menghimpunkan unsur rohani dan material. Berdasarkan sifatnya, wakaf seharusnya mampu bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan insan, sekiranya institusi tersebut ditadbir secara sistematik dan optimum. Dari segi sosial, wakaf membolehkan kelahiran masyarakat bertanggungjawab yang akhirnya akan meningkatkan kualiti hidup. Masyarakat yang mempunyai kualiti hidup akan membantu menggalakkan pembangunan mampan (Saripah et al., 2018). Oleh itu, pengurusan, rangka kerja dan model wakaf yang efektif perlu dibangunkan dan sentiasa dipantau supaya sentiasa sesuai dengan keperluan semasa termasuk dalam memenuhi keperluan makanan kerana makanan menjadi sebahagian sektor keperluan sosial dan perkembangannya dapat membantu ekonomi Negara.

Insentif pembangunan industri makanan melalui wakaf

Berdasarkan kajian Mohamed et al. (2021) telah mengemukakan empat garis tindakan atau instrumen dalam menangani krisis makanan yang merujuk kepada dasar yang digunakan oleh bank dunia iaitu mengawal dan menstabilkan harga pengguna, pengukuhan stok penimbal, mewujudkan jaringan keselamatan terhadap akses makanan dan instrumen yang merangsang tindak balas penawaran bekalan dalam pertanian. Dengan ini, secara langsung, tanah wakaf dan industri pertanian dapat dibangunkan dengan lebih produktif. Berdasarkan kajian lepas, penulis mendapati antara insentif pembangunan

industri makanan melalui wakaf yang dapat digariskan iaitu dijadikan sebagai sumber pembiayaan, instrumen perbelanjaan kerajaan, memberi peluang meningkatkan sumber pendapatan dan membantu dalam kestabilan sekuriti makanan.

a) Sumber Pembiayaan

Harta wakaf merupakan peratusan besar kekayaan masyarakat di beberapa negara Islam seperti Indonesia, Brunei, Kuwait. Namun, banyak negara Islam menghadapi masalah sosioekonomi yang besar seperti kemiskinan, buta huruf dan kekurangan perkhidmatan penjagaan kesihatan asas. Berdasarkan konsep wakaf, cendekiawan Islam kontemporari cuba merumuskan kaedah pembiayaan baharu yang boleh digunakan untuk membangunkan hartanah wakaf dan memastikan kaedah ini menepati Syariah. Antara kaedah yang diutarakan iaitu melalui pembiayaan berasaskan kredit, pembiayaan institusi dan pembiayaan berasaskan korporat (Hydzulkifli et al., 2014). Tambahan pula, Yusof et al. (2021) mencadangkan pembiayaan kepada tiga skala iaitu kecil, sederhana dan besar seperti bentuk pembiayaan secara konservatif, perkongsian iaitu mudharabah dan musyarakah serta penerbitan ekuiti dan sukuk sesuai bagi pembiayaan untuk projek penternakan.

Sebagaimana yang diketahui, institusi kewangan merupakan badan yang menyediakan pembiayaan di mana pendapatan individu mahupun organisasi menjadi kriteria dalam memenuhi syarat pinjaman. Hal ini menjadi cabaran bagi pihak yang tidak mempunyai pendapatan yang stabil termasuklah dalam mendapatkan dana berkaitan industri makanan. Justeru, institusi wakaf boleh dijadikan sebuah institusi kewangan sosial dengan menyediakan perkhidmatan pengantaraan untuk menggunakan

simpanan sosial kekal secara berkesan. Fleksibiliti dalam peraturan wakaf membolehkannya memberi perkhidmatan kepada penerima secara langsung atau melalui institusi kewangan dan menyediakan pelbagai perkhidmatan sosial (Shaikh et al., 2017).

Selain itu, Magda Ismail (2013) dalam kajiannya menunjukkan potensi wakaf tunai dalam membiayai bukan sahaja bidang keagamaan tetapi juga membiayai pelbagai barangan dan perkhidmatan yang diperlukan di peringkat global, seperti pendidikan, kesihatan, penjagaan sosial dan pengaktifan komersial, infrastruktur asas. Selain itu, dapat membuka peluang pekerjaan kepada majoriti rakyat. Wakaf tunai telah diperkenalkan yang menghasilkan satu resolusi daripada sarjana Islam kontemporari terhadap skim pengumpulan dana serta pelaburan. Oleh itu, wakaf boleh menjadi satu bentuk pembiayaan yang fleksibel dan berkebajikan bagi mengembangkan industri makanan.

b) Instrumen perbelanjaan kerajaan

Hartini et al. (2015) menjelaskan perbelanjaan persekutuan kerajaan melibatkan perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan di mana merangkumi termasuk pembangunan perkhidmatan ekonomi dan sosial seperti pertanian, kesihatan dan sebagainya. Oleh itu, sejauh mana wakaf mampu memastikan hutang kerajaan persekutuan Malaysia mampan dalam menampung perbelanjaan kerajaan. Hasil menunjukkan bahawa keuntungan wakaf selepas pelaburan boleh disalurkan kepada penerima yang berhak, walaupun terdapat kemungkinan kutipan wakaf boleh menghakis hasil cukai, wakaf juga merupakan pembiayaan yang dapat membantu sebahagian besar perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Hal ini boleh menghalang kerajaan daripada meminjam

pada masa hadapan atau sekurang-kurangnya daripada meminjam dalam jumlah yang besar.

Hal ini turut disokong di dalam kajian Bakar et al. (2018) yang mendapati pulangan daripada pelaburan wakaf tunai dalam unit amanah boleh digunakan dan dijadikan instrumen tambahan untuk membiayai perbelanjaan kerajaan persekutuan dengan pemantauan yang telus dan patuh syariah. Terdapat kebarangkalian yang tinggi bahawa orang ramai akan menyumbang wakaf untuk membiayai barangan awam yang tulen dan bercampur, lebih-lebih lagi apabila struktur yang realistik dan praktikal diwujudkan. Amalan wakaf itu boleh dikelompokkan kepada dana amanah saham tertentu mengikut komponen perbelanjaan kerajaan persekutuan iaitu subsidi, pertahanan dan keselamatan, pertanian dan pembangunan luar bandar, perdagangan dan perindustrian, pengangkutan, kemudahan awam, pendidikan, kesihatan dan perumahan, serta perkhidmatan sosial dan komuniti dan sebagainya. Perbezaan ini memberi ruang kepada pewakaf untuk memilih dana yang ingin dilaburkan. Oleh itu, perbelanjaan kerajaan di dalam sektor pertanian yang merupakan industri yang besar dalam bekalan makanan dapat dibantu melalui pembiayaan daripada projek wakaf.

c) Sumber pendapatan

Menurut Alani et al. (2016) pembiayaan mikro dapat mengurangkan pengangguran. Oleh itu, dana wakaf seperti wakaf tunai boleh dijadikan satu bentuk pembiayaan mikro bagi membantu projek kecil. Tiga mekanisme dicadangkan untuk membiayai projek kecil melalui dana wakaf iaitu menyimpan dana wakaf tetap, menubuhkan dana wakaf baharu serta membiayai usahawan kecil oleh pemilik wakaf. Dalam kajian Cahyo & Muqorobin

(2019) membuktikan sistem kerjasama yang dijalankan oleh Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM), Gontor dalam usaha membangunkan tanah wakaf dalam sektor pertanian melalui sistem pajakan tanah, pembangunan tanah wakaf dengan pengurusan sendiri oleh YPPWPM serta sistem perkongsian untung memberi implikasi yang baik iaitu petani berpeluang menyewa tanah dengan kadar yang lebih rendah, pengurusan YPPWPM membuka peluang pekerjaan dalam mengusahakan sektor pertanian, perkongsian untung yang dapat menjana pendapatan malah perkongsian tersebut juga diberi pihak yayasan sumber pertanian berkaitan seperti benih, alat bajak dan sebagainya.

Selain itu, peningkatan pendapatan masyarakat berlaku selepas pihak pengurusan wakaf, membina Hospital Islam Unisma di Malang dan membesarkan bangunan hospital telah memberi peluang pekerjaan. Dasar pengurus Wakaf yang produktif dan mengutamakan masyarakat sekitar menunjukkan laluan terbaik dalam meningkatkan pendapatan malah meningkatkan kualiti taraf hidup. Hal ini, membuktikan dalam paradigma Islam iaitu pemerksaan masyarakat melalui sektor wakaf sememangnya akan memberikan peningkatan taraf hidup melalui peningkatan pendapatan (Seprillina, 2020). Oleh itu, pembangunan wakaf di dalam industri makanan juga boleh mengambil nafas ini dalam memberi peluang masyarakat sekitar meningkatkan sumber pendapatan sama ada sebagai pengusaha pertanian yang berdaya saing bagi menempuh pasaran yang lebih luas. Tambahan pula, petani perlu menjadikan pertanian bukan sekadar aktiviti sara hidup malah menjadikan pertanian ke arah perniagaan yang menguntungkan (Yaseen et al., 2018)

d) Kestabilan sekuriti makanan

Berdasarkan analisis statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menyedari kesan daripada pandemik COVID-19 menunjukkan kepentingan sektor pertanian untuk pihak berautoriti dalam memberi peluang pekerjaan, peningkatan pelaburan modal bagi tujuan memodenisasikan sektor pertanian. Hal ini mampu memberi jaminan kestabilan bekalan makanan terutamanya item pertanian yang mempunyai kadar sara diri yang rendah dan kebergantungan import makanan yang tinggi. Selain itu, kebolehcapaian makanan golongan berpendapatan rendah perlu dititikberatkan bagi mengatasi harga makanan yang tidak menentu. Kajian Farrukh et al. (2020) sektor pertanian memerlukan campur tangan dari pelbagai sektor yang berpotensi bagi meningkatkan sekuriti makanan. Hal ini perlu melihat kepada ketersediaan, akses dan kemampuan dengan menjadikan sektor pertanian sebagai sumber makanan, sumber pendapatan dan perbelanjaan serta menjadikan pertanian sebagai penyokong dasar harga bagi menjamin sekuriti makanan.

Di Malaysia, wakaf pertanian mula diperkembangkan bagi memenuhi keperluan semasa. Di Terengganu, Ladang Sawit Perkaya Sdn Bhd mula dijadikan ladang wakaf dengan penglibatan orang ramai dan kerajaan Negeri. Di ladang ini, bukan sahaja melibatkan tanaman kelapa sawit, malah melibatkan projek integrasi ternakan lembu dan kambing. Di dapati ladang wakaf ini menghasilkan sekitar RM1.3 juta setahun. Hasil tersebut bukan sekadar putaran modal pertanian malah

untuk kebajikan anak-anak yatim (Amaludin Ab et al., 2017). Selain itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka mula mengorak langkah akan mengusahakan projek wakaf melibatkan dusun buah-buahan dengan usaha sama Jabatan Pertanian Melaka, MARDI Melaka dan FAMA Melaka (Nazri, 2021). Manakala tanaman sayuran turut mendapat tempat dalam pelaksanaan projek wakaf yang di jalankan oleh pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Selain itu, campur tangan dalam industri pertanian merupakan strategi pembangunan jangka panjang. Hal ini terbukti di Kenya, di mana pekebun kecil memperoleh keuntungan melalui pertambahan strategik seperti program tanggungjawab sosial korporat (CSR), inisiatif perdagangan yang beretika, kepelbagaian alam sekitar dan skim persijilan berasaskan tenaga kerja (Zylberberg, 2013). Oleh itu wakaf dapat dijadikan salah insentif kerjasama dalam industri pertanian. Pengembangan industri makanan melalui wakaf sebenarnya dapat membantu rantai makanan daripada terputus atau kekurangan bekalan dalam memenuhi permintaan pemasaran. Menurut Mohamed et al. (2021) rangsangan pengeluaran pertanian perlu dilaksanakan terutamanya dalam melindungi pengeluar komoditi makanan miskin dengan memberi dana bagi meningkatkan kembali produktiviti tanaman mereka, membangunkan kembali tanah pertanian, meningkatkan kualiti makanan, mengurangkan spekulasi rantai bekalan makanan di antara pengeluar hingga penggunaan.



Rajah 1: Insentif Pembangunan Industri Makanan melalui Wakaf (Sumber: Penulis)

Dengan ini, dapat disimpulkan melalui rajah 1 bahawa pelbagai insentif pembangunan industri makanan dapat dilihat kepentingan yang terhasil melalui wakaf. Antaranya ialah wakaf dilihat satu insentif sumber pembiayaan kepada industri makanan dengan fungsi kemudahan dana yang fleksibel, pengumpulan dana pelaburan yang berkesan serta alat perkhidmatan kewangan sosial yang baik. Selain itu, wakaf menjadi insentif kepada instrumen yang membantu kerajaan dalam perbelanjaan operasi dan pembangunan melalui pembiayaan tambahan dari wakaf, agihan keuntungan pelaburan daripada dana wakaf serta pengurangan hutang kerajaan apabila menerima dana wakaf yang berorientasikan kebajikan. Seterusnya, wakaf memberi insentif dalam meningkatkan sumber pendapatan dengan membiayai usahawan dari dana wakaf, agihan perkongsian keuntungan hasil wakaf serta peluang pekerjaan meningkat apabila pasaran semakin meluas. Akhirnya, wakaf memberi insentif kepada kestabilan sekuriti makanan apabila wakaf dijadikan sebagai insentif kerjasama dalam mempelbagaikan strategi pembangunan industri makanan, wakaf sebagai dana yang merangsang peningkatan pengeluaran makanan serta keperluan semasa dapat

dipenuhi dengan fungsi wakaf yang komprehensif.

Peranan wakaf dalam industri makanan terhadap jaminan kualiti hidup

Wakaf merupakan alat ekonomi Islam, antara objektif pembangunan ekonomi Islam ialah mencapai kualiti kehidupan yang baik. Dalam mencapai objektif ini, perlu menjadikan ekonomi Islam yang dapat memberi peluang pekerjaan, mempunyai sistem jaminan sosial terhadap keperluan asas serta agihan pendapatan dan kekayaan yang saksama dan adil (Joni Tamkin, 2008). Manakala, dari perspektif ekonomi, merujuk kepada Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM), Malaysia telah mencapai pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi yang memberangsangkan. IKHM telah dimantapkan dan dibangunkan sebagai Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). IKRM juga indeks dan indikator domestik serta diiktiraf di peringkat antarabangsa. Indeks ini bagi membolehkan kemajuan negara diukur melangkaui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Jadual 2 merupakan sub-komposit di dalam IKRM. Berdasarkan penjelasan di atas, penulis akan melihat peranan wakaf dalam industri makanan sebagai jaminan kualiti hidup dari aspek kesejahteraan sosial dan ekonomi.

Jadual 2: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)	
Kesejahteraan Ekonomi	Kesejahteraan Sosial

1. Komunikasi	1. Kebudayaan
2. Pendidikan	2. Alam Sekitar
3. Pendapatan dan pengagihan	3. Keluarga
4. Pengangkutan	4. Tadbir Urus
5. Persekitaran kerja	5. Kesihatan
	6. Perumahan
	7. Liburan
	8. Keselamatan Awam
	9. Penyertaan Sosial

Sumber: Portal Rasmi Unit Perancangan Ekonomi

a) Kesejahteraan sosial

Menurut Abdullah (2018) penyelarasan wakaf perlu berdasarkan paradigma maqasid syariah bagi menampung keperluan manusia kerana wakaf bukan sekadar melihat kepada struktur tetapi pembangunan manusia. Oleh itu, pembangunan wakaf yang ingin dibangunkan perlu membawa semangat maqasid iaitu melihat kepada heiraki maqasid terhadap keperluan asas, kehendak dan kemewahan. Oleh itu, untuk menyelaraskan wakaf dengan paradigma maqasid, kerangka pembangunannya mesti memberikan keutamaan yang lebih besar untuk memenuhi keperluan material, bukan material dan rohani manusia. Hal ini kerana pembentukan paragdigma ini akan dapat memenuhi kesejahteraan sosial seperti projek wakaf seharusnya dapat menjana pendapatan, peluang pekerjaan, kemudahan pendidikan, kemudahan perubatan serta projek infrastruktur dan utiliti fizikal dapat menjadikan projek seperti wakaf tunai yang mampu membasmi kemiskinan seterusnya membawa kesejahteraan sosial (Abul Hasan, 2002). Sehubungan itu, projek wakaf pertanian bukan sahaja memenuhi keperluan asas makanan sahaja malah membawa kesejahteraan sosial ekoran peluang penjaanaan pendapatan dan pekerjaan juga dapat diperolehi.

Selain itu, kesedaran yang tinggi dilihat pada masyarakat kini telah membawa beberapa projek wakaf berbentuk pembangunan manusia dalam memenuhi keperluan masyarakat setempat seperti projek wakaf menyediakan air untuk kegunaan orang ramai, membina rumah

untuk orang yang memerlukan, membina jambatan, membantu fakir miskin dan orang cacat, membiayai perkahwinan orang muda yang memerlukan dan membiayai rumah anak yatim dan rumah untuk orang tua. Sehubungan itu, di dalam sektor pertanian juga menjadi projek wakaf yang berpotensi kerana terdapat banyak tanah pertanian di wakaf kan dan institusi wakaf perlu membangunkan dengan pelbagai kerjasama untuk mendapatkan hasil produk dan perkhidmatan pertanian secara produktif bagi memenuhi keperluan asas khususnya (Hamid et al., 2017; Mazrul Shahir, 2012). Merujuk Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah memperkenalkan projek rintis Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) yang dijalankan di Putrajaya seluas 10 ekar. Projek ini adalah untuk memperkasakan sosioekonomi rakyat dengan membantu mengurangkan kos sara hidup selaras memperkasakan jaminan bekalan makanan dengan menjalankan projek melibatkan tanaman kontan, tanaman jangka sederhana dan tanaman jangka panjang.

b) Kesejahteraan ekonomi

Menurut Abul Hasan (2002) kemiskinan merupakan satu masalah yang besar sehingga sebahagian negara mengalami ini. Pembasmian kemiskinan berpotensi di atasi melalui wakaf. Walaubagaimanapun, rangka kerja yang lebih bersepadu dan multidimensi diperlukan sebagai kaedah pembasmian kemiskinan dengan lebih baik. Hal ini dapat dilaksanakan dengan cara penjaanaan pendapatan untuk fakir miskin, zakat dan sedekah, larangan rasuah, akses kepada sumber dan

kemudahan serta usaha kerjasama. Oleh itu, perlu menjadikan wakaf sebagai instrumen pembasmian kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi yang berkesan dengan meningkatkan keupayaan golongan miskin untuk menaik taraf keadaan ekonomi mereka, dan bukannya bergantung kepada badan amal pengagihan semula yang bersifat jangka pendek. Sehubungan itu, sistem pentadbiran wakaf perlu memainkan peranan dalam menjana dana wakaf secara efektif. Wakaf tunai yang dikumpulkan dapat dijadikan sumber bagi membiayai projek yang dilihat mustahil kerana melibatkan kos yang besar. Oleh itu, projek pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan dengan menjana pendapatan dan agihan pendapatan termasuk projek berkaitan industri makanan.

Model *Waqf Trustee-Anchor Company-Community Farmer* yang dicadangkan di dalam kajian Norfaridah et al. (2021) memberi peluang petani mendapatkan sumber pendapatan dan menambah pengetahuan berkaitan petani daripada syarikat yang bekerjasama dengan yang secara tidak langsung membuka peluang perniagaan yang lebih produktif. Kerjasama ini menambahkan juga dana wakaf yang seterusnya dapat membantu di dalam agihan pendapatan kepada masyarakat melalui kaedah wakaf. Model ini juga dapat membantu isu pemasaran hasil yang berkaitan dengan perniagaan tani. Justeru, ini menunjukkan peranan syarikat utama yang bukan sahaja membangun malah memasarkan atau menjual hasil tanaman atau ternakan dari tanah wakaf. Kitaran projek pertanian yang berlaku ini seiring dalam membantu kesejahteraan ekonomi.



Rajah 2: Rangka kerja Peranan Wakaf dalam Industri Makanan sebagai Jaminan Kualiti Hidup (Sumber: Penulis)


Dengan itu, sorotan kajian dapat digambarkan berdasarkan rangka kerja pada rajah 2 yang menunjukkan bahawa wakaf dapat membangunkan industri makanan dan wakaf juga berperanan dalam meningkatkan jaminan kualiti hidup. Oleh itu, pelaksanaan wakaf di dalam industri makanan akhirnya dapat mencapai kesejahteraan sosioekonomi seiring kualiti hidup juga melibatkan

kesejahteraan sosioekonomi. Ini menunjukkan, peranan wakaf memberi refleksi kepada kepentingan pembangunan industri makanan yang akhirnya dapat memberi fungsi kepada alternatif sumber pembiayaan, membantu perbelanjaan kerajaan, memberi kestabilan dalam sekuriti makanan dan juga membuka sumber pendapatan atau dikenali juga peluang pekerjaan. Fungsi-fungsi ini

secara langsung memberi implikasi positif kepada jaminan kualiti hidup masyarakat

kerana dapat mencapai keseimbangan di dalam sosioekonomi sesebuah negara.

Dapatan dan Perbincangan



Rajah 3: Analisis Dapatan Temu bual

Berdasarkan analisis dapatan temu bual mendapati wakaf penternakan dan pertanian berpotensi dalam menambahkan dan mengukuhkan industri makanan. Informan 1 mengatakan bahawa wakaf penternakan berpotensi untuk meningkatkan jumlah penternakan sekaligus mengurangkan penggantungan terhadap import ternakan dari luar negara. Tambahan lagi, informan 1 menjelaskan harga daging lembu dan kambing import semakin meningkat pada masa kini berikutan penurunan nilai mata wang ringgit yang memburukkan lagi situasi pergantungan terhadap daging import. Beliau mencadangkan supaya projek wakaf ternakan dibangunkan secara terancang dan insentif untuk meningkatkan penghasilan ternakan lembu dan kambing dalam kuantiti yang tinggi.

Seterusnya, informan 2 mengemukakan pandangan beliau untuk mengintegrasikan wakaf pertanian komersial menggunakan

pendekatan perniagaan koperasi yang melibatkan sejumlah petani moden yang kompeten. Menurut informan 2, pihak koperasi secara umumnya mempunyai sejumlah keahlian di kalangan petani dan pekebun kecil. Oleh yang demikian, pihak kerajaan atau pihak yang bertanggungjawab berkaitan pembangunan pertanian boleh melantik pihak koperasi untuk menyediakan latihan intensif pertanian kepada para petani untuk menjalankan pertanian secara komersial. Informan 2 yang juga merupakan ahli akademik menjangkakan bahawa projek wakaf pertanian mampu meningkatkan keperluan pasaran sayur-sayuran dan hasil tani sehingga 70% untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan. Beliau berpendapatan bahawa harga hasil pertanian menunjukkan peningkatan ketara kebelakangan ini disebabkan jumlah permintaan yang tinggi namun hasil pengeluaran pertanian tempatan sangat rendah. Sekiranya wakaf pertanian mampu

meningkatkan jumlah kuantiti hasil pertanian, ini seterusnya membantu dalam menstabilkan harga pasaran sayur-sayuran tempatan yang lebih berkualiti dan organik. Menurut beliau lagi, pihak koperasi akan menjalankan usaha sama dengan petani dan pekebun kecil untuk mengumpulkan hasil pertanian untuk terus dipasarkan kepada pengguna. Ini juga mampu mengelakkan peningkatan harga yang ketara disebabkan pihak orang tengah yang mengambil kesempatan dalam penentuan harga hasil pertanian.

Selanjutnya, informan 3 telah mengemukakan contoh cadangan projek wakaf pertanian dan penternakan yang bakal diusahakan di Sabah dan Sarawak dengan beberapa objektif penting. Pertama, projek wakaf pertanian dan penternakan bertujuan untuk meningkatkan hasil keperluan untuk makanan bagi pasaran Sabah dan Sarawak. Kedua, peningkatan hasil keperluan makanan ini dijangkakan mampu menstabilkan harga ayam, kambing dan lembu yang agak tinggi di Sabah dan Sarawak berbanding Semenanjung Malaysia. Ketiga, projek wakaf penternakan dan pertanian dijangkakan mampu mengurangkan import daging dari luar negara dan hanya menumpukan import untuk baka haiwan ternakan ruminan sahaja sebagai permulaan projek wakaf penternakan dan pertanian komersil. Keempat, dengan adanya usaha wakaf penternakan dan pertanian secara komersial diharapkan mampu memberi impak peningkatan pendapatan kepada pengusaha dan usahawan yang terlibat sama dalam projek komersial ini termasuklah peluang kerja berkaitan untuk penduduk tempatan di Sabah dan Sarawak. Tambahan pula, objektif penting wakaf penternakan dan pertanian ini ialah mengurangkan penggantungan import untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan untuk pasaran tempatan.

Informan 4 turut menjelaskan terdapat potensi besar dalam projek wakaf penternakan dan pertanian berikutan permintaan bekalan daging tempatan yang tinggi khususnya semasa musim perayaan dan majlis perkahwinan. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan dalam permintaan tempatan adalah disebabkan harga yang tinggi berbanding daging import. Informan 4 menambah lagi bahawa pihak beliau bertanggungjawab membantu memastikan semua bekalan makanan ternakan ruminan adalah selamat dimakan oleh para pengguna di Malaysia. Menurut beliau lagi, pihak kami bersedia memberi perkhidmatan untuk membantu usaha meningkatkan bekalan ternakan ruminan untuk pasaran tempatan. Informan 4 memaklum bahawa pihak beliau mendapati terdapat tiga masalah utama untuk membangunkan projek penternakan dan pertanian antaranya ialah masalah kekurangan pekerja yang mampu bertahan bekerja dalam bidang penternakan dan pertanian. Kedua, terdapat kekangan kawasan tanah pertanian yang terhad dan juga pengusaha berhadapan dengan risiko penyakit berjangkit yang menyebabkan kerugian besar kepada pengusaha.

Informan 5 merupakan golongan terbesar dalam industri penternakan yakni penternak kecil. Menurut beliau, permintaan daging lembu dan kambing segar sentiasa meningkat termasuklah semasa pandemik COVID-19. Permintaan ini akan terus meningkat khususnya semasa perayaan dan kenduri perkahwinan. Oleh yang demikian, kebanyakan pengusaha kecil tidak berhadapan masalah untuk memasarkan kambing dan lembu ternakan mereka. Namun begitu, mereka sentiasa berhadapan dengan isu kos dan risiko penyakit berjangkit haiwan ternakan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan wakaf berasaskan penternakan dan pertanian komersial berpotensi untuk menjayakan

pengukuhan industri makanan sebagai jaminan kualiti hidup termasuklah aspek keterjaminan makanan untuk keperluan lokaliti tempatan di Malaysia dan meningkatkan tingkat pendapatan bagi pengusaha, pekebun dan penternakan yang terlibat langsung dalam projek wakaf penternakan dan pertanian ini. Pasaran Malaysia menunjukkan permintaan tinggi hasil ternakan dan sayuran yang semakin meningkat dari masa ke semasa khususnya semasa musim perayaan. Kerajaan dan institusi berkaitan turut sentiasa menyokong usaha meningkat kuantiti makanan untuk pasaran tempatan termasuk aspek pemasaran dan sokongan kawalan kesihatan haiwan ternakan. Bagaimanapun, para pengusaha, penternakan dan petani perlu bersedia berhadapan dengan pelbagai cabaran khususnya melibatkan tanah yang terhad, kekurangan tenaga kerja dan risiko penyakit berkaitan.

Kesimpulan

Kejayaan sesebuah industri memerlukan pelbagai usaha dan penglibatan pelbagai pihak termasuk dalam membangunkan industri makanan seperti di dalam sektor pertanian dan penternakan. Cabaran industri makanan bagi memenuhi kestabilan sekuriti makanan membuka kesedaran tentang pentingnya usaha pengembangan industri makanan dalam mencapai kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial sebagai jaminan kualiti hidup masyarakat. Oleh itu, kajian ini telah menjelaskan akan kepentingan dan peranan wakaf itu sendiri di dalam industri makanan dapat memberi impak yang besar termasuk peluang pekerjaan, sekuriti makanan negara serta meningkatkan fungsi harta wakaf. Oleh itu, kerjasama yang pelbagai perlu dilaksanakan di antara industri makanan dan institusi wakaf bagi menjadikan alat ekonomi Islam iaitu wakaf sebagai

alternatif yang dapat membawa kualiti hidup masyarakat yang baik dan terjamin apabila wujudnya usaha membantu meningkatkan pembangunan sosioekonomi negara melalui industri makanan.

Pengiktirafan

Penulis mengiktiraf kemudahan dan sokongan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam *Fundamental Research Grant Scheme for Research Acculturation of Early Career Researchers (RACER)*, no fail: RACER/1/2019/SSI03/UITM//2 yang telah membantu menyiapkan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdulla Ibragimov, Fatimah Mohamed Arshad, Bala, B. K., Bach, N. L., & Mohammadi, S. (2016). Management of beef cattle production in Malaysia: A step forward to sustainability. *American Journal of Applied Sciences*, 13(9), 976–983. <https://doi.org/10.3844/ajassp.2016.976.983>
- Abdullah, M. (2018). Waqf , Sustainable Development Goals (SDGs) and maqasid. *International Journal of Social Economics*, 45(1), 158–172. <https://doi.org/10.1108/IJSE-10-2016-0295>
- Abul Hasan, M. S. (2002). Waqf , perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29(1), 135–151. <https://doi.org/10.1108/03068290210413038>
- Ainul Kauthar, K., Arieff Salleh, R., & Azman, A. R. (2014). Konsep wakaf kesihatan & perkembangannya di malaysia. *Seminar Wakaf Iqlimi*,

463–474.

- Alani, U. A., Algodah, M. T. S., & Alshwaiyat, M. S. (2016). Role of Waqf (Endowment) Funds in Financing Small Projects. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 8(2), 53–66.
- Amaludin Ab, R., Zaid, A., & Siti Zaleha, M. (2017). Pembangunan Tanah Wakaf: Potensi dan Sumbangan dalam Sektor Pertanian Negara. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 1(2), 117–127.
- Ariff, O. M., Sharifah, N. Y., & Hafidz, A. W. (2015). Status of beef industry of Malaysia. *Malaysian Journal of Animal Science*, 18(December), 1–21.
- Azizan, N. A., Muhamat, A. A., Alwi, S. F. S., Ali, H., Jaafar, M. N., & Jusoh, N. H. (2021). Agribusiness as The Solution for The Underutilized Waqf Lands: A Viewpoint from The Waqf Administrators. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 19(3), 295–306.
- Bakar, N. A. A., Hussain, M. N. M., Hamed, A. B., Azrai Azaimi Ambrose, A. H., Gulam Hassan, M. A., & Hanafi, H. (2018). A proposed model for waqf financing public goods and mixed public goods in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(3), 395–415. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-01-2017-0001>
- Cahyo, E. N., & Muqorobin, A. (2019). Strategi Pengembangan Wakaf Berkelanjutan dalam Sektor Pertanian: Studi Kasus di Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM) Gontor Ponorogo. *Jurnal Ekonomi Syariah*, 4(2), 144–158.
- Farrukh, M. U., Bashir, M. K., & Rola-Rubzen, F. (2020). Exploring the sustainable food security approach in relation to agricultural and multi-sectoral interventions: A review of cross-disciplinary perspectives. *Geoforum*, 108(November 2019), 23–27. <https://doi.org/10.1016/j.geoforum.2019.11.012>
- Hamid, A., Tahir, M., & Muhammad, H. (2017). Waqf as a framework for entrepreneurship. *Humanomics*, 33(4), 419–440. <https://doi.org/10.1108/H-01-2017-0015>
- Hartini, A., Azaimi, A., Aslam, M., & Hanafi, H. (2015). The Possible Role of Waqf in Ensuring A Sustainable Malaysian Federal Government Debt. *Procedia Economics and Finance*, 31(15), 333–345. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\)01205-8](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15)01205-8)
- Hydzulkifli, H. O., Ahmed Umar, & Diara Md Jadi. (2014). The Development of Waqf Properties by Using Credit-Based Financing Methods: A Critical Review and Its Implications to Social Welfare of The Ummah. *Seminar Wakaf Iqlimi*, 603–612.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Statistik Pertanian*.
- Joni Tamkin, B. (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 27, 93–107.
- Lewins, A. & Silver, C. 2007. Using Software in Qualitative Research: A Step-By-Step Guide. Los Angeles: Sage Publication.

- Lakitan, B. (2019). *development in Southeast Asian economies are drifting away from agriculture and farmers ' needs*. 0570, 251–272. <https://doi.org/10.1108/JSTPM-11-2017-0061>
- Mad Nasir, S. (2019, November 15). Di mana sekuriti makanan negara? *Astro AWANI*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/di-mana-sekuriti-makanan-negara-222662>
- Magda Ismail, A. M. (2013). Financing through cash-waqf: a revitalization to finance different needs. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 304–321. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-08-2013-0094>
- Maimunah, M. (2014). Potensi Malaysia Sebagai Pengeluar Produk Daging Lembu Halal Di Pasaran Global. In USIM (Ed.), *Seminar Wakaf Iqlimi* (pp. 574–578). Seminar Waqf Iqlimi 2014. <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9855>
- Marzuki, A., & Jais, A. S. (2020). Urbanisation and the concerns for food security in Malaysia. *Journal of the Malaysia Institute of Planners*, 18(3), 202–217. <https://doi.org/10.21837/PM.V18I13.786>
- Mazrul Shahir, M. Z. (2012). Waqf and Its Role in Socio-Economic Development. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 4(2), 173–178.
- Mochammad Arif, B. (2014). The Significance of Waqf for Economic. *Jurnal Equilibrium*, 2(1), 19–34.
- Mohamad, M. R., Yusof, Z. M., & Nordin, N. (2020). Perkembangan Kajian Tentang Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(1), 12–21.
- Mohamed Asmy, M. T. T., & Hassanudin, M. T. T. (2015). Exploring the Contemporary Issues of Corporate Share Waqf Model in Malaysia with the Reference to the Waqaf An-Nur Corporation Berhad (Menerokai Isu-Isu Semasa Model Wakaf Saham Korporat di Malaysia dengan Rujukan kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad). In *Jurnal Pengurusan* (Vol. 45). <http://ejournals.ukm.my/pengurusan/article/view/12190>
- Mohamed, M. I., Hakimi, M., & Shafiai, M. (2021). Peranan Pentadbiran Zakat , Infaq , Sedekah dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan Di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(4), 37–55.
- Mohd Haiyazid, M., & Sanep, A. (2014). Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Hotel Wakaf: Strategi Lautan Biru Nasional. *Seminar Wakaf Iqlimi*, 563–573.
- Mohd Ridzuan, M., Zurita, M. Y., & Nadhirah, N. (2020). Pembangunan hotel wakaf terengganu (grand puteri hotel) dan sumbangannya terhadap masyarakat setempat. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 44–55.
- Murad, W., Islam Molla, R., Bin Mokhtar, M., & Raquib, A. (2010). Climate change and agricultural growth: An examination of the link in Malaysia. *International Journal of Climate*

- Change Strategies and Management*, 2(4), 403–417.
<https://doi.org/10.1108/17568691011089927>
- Nazri, A. B. (2021). Projek Wakaf Dusun Ilmu, idea bijak UiTM jana pendapatan. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/>
- Norizah, M., & Asmak, A. R. (2015). Wakaf Penjagaan Kesihatan: Kajian Kes Di Hospital An-Nur. *Jurnal Syariah*, 23(3), 401–434.
- Norshamliza Chamhuri, & Batt, P. J. (2015). Consumer perceptions of food quality in Malaysia. *British Food Journal*, 117(3), 1168–1187.
<https://doi.org/10.1108/BFJ-08-2013-0235>
- Omar, H. H., Rahman, A. A., & Mazlan, A. R. (2013). The Structuring for Development and Management Waqf Properties in Malaysia The Structuring for Development and Management Waqf Properties in Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 2, 45–59.
- Omar, S. C., Shaharudin, A., & Tumin, S. A. (2019). Rice Policy and Regulations. In *The Status of the Paddy and Rice Industry in Malaysia*. Khazanah Research Institute.
- Rahman, A. A. (2009). Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah *. *Shariah Journal*, 17(2), 299–326.
- Roslina, H., Norizan, S., Rahisam, R., Mohd Izzudin, M. N., & Mohd Sabree, N. (2018). Model Integrasi Wakaf Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia. *Kolokium Penyelidikan Kebangsaan "Memartabatkan Penyelidikan Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat*, 1–14.
- Saripah, A. L., Nik Muniyati, N. D., & Zaiton, M. (2018). The Role of Good Waqf Governance in Achieving Sustainable Development. *AMER International Conference on Quality of Life*, 6, 113–118.
- Seprillina, L. (2020). The Effectiveness Productive Waqf as a Social Welfare Development Through Community Empowering: A Case in Islamic Hospital Foundation Malang. *Review of Integrative Business and Economics Research*, 9(3), 67–74.
- Shaikh, S. A., Abdul Ghafar Ismail, & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. (2017). Application of Waqf for Social and Development Finance. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), 5–14.
<https://doi.org/10.1108/IJIF-07-2017-002>
- Sinar Harian. (2020, December 27). Rakyat Malaysia Gempar Isu Daging Import Haram. *Kumpulan Karangraf*.
<https://www.sinarharian.com.my/>
- Yaseen, A., Bryceson, K., & Mungai, A. N. (2018). *Commercialization behaviour in production agriculture*. 8(3), 579–602.
<https://doi.org/10.1108/JADEE-07-2017-0072>
- Yusof, M. F. M., Romli, N., Bhari, A., Khalid, M. M., & Yaakob, M. A. Z. (2021). Potensi Pendekatan Pembiayaan Wakaf Penternakan Berskala Mikro, Sederhana dan Makro. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 100–114.
- Yusoff, H. H. M., Ismail, N. W., &

Kamarulzaman, N. H. (2020). Assessing The Comparative Advantage of Integrated Farming and Feedlot Production System of The Ruminant Sector in Malaysia: A Policy Analysis Matrix Approach. *Asian Journal of Agriculture and Rural Development*, 10(1), 227–238. <https://doi.org/10.18488/journal.1005/2020.10.1/1005.1.227.238>

Zylberberg, E. (2013). Bloom or bust? A global value chain approach to smallholder flower production in Kenya. *Journal of Agribusiness in Developing and Emerging Economies*, 3(1), 4–26. <https://doi.org/10.1108/20440831311321638>